



**BAHAGIAN INSPEKTORAT
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**Laporan Lawatan Penggredan Sistem Penarafan Bintang
Pihak Berkuasa Tempatan
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Pada 19 September 2013**

TUJUAN

Laporan ini bertujuan memaklumkan hasil penilaian Pasukan Inspektorat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atas prestasi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam Lawatan Penggredan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Semenanjung Malaysia Tahun 2013.

LATAR BELAKANG

2. SPB-PBT yang dahulunya dikenali sebagai Sistem *Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-57 yang telah diadakan pada 2 Oktober 2007 untuk menilai tahap penyampaian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Melalui penilaian tersebut, PBT akan diletakkan pada suatu tahap

kedudukan bintang yang sesuai berdasarkan markah yang diperoleh. Penilaian ini juga bertujuan untuk mewujudkan budaya kecemerlangan berteraskan prestasi melalui persaingan sihat dalam kalangan PBT. Selain itu, penilaian ini membantu PBT supaya sentiasa berusaha untuk memantapkan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, pelanggan dan *stakeholders*.

3. Berdasarkan Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bil. 1 Tahun 2008, penggredan SPB-PBT pada asasnya akan diadakan setiap dua (2) tahun sekali. Penggredan pertama dan kedua telah dilaksanakan pada tahun 2008 dan 2010/2011 ke atas kesemua PBT di Semenanjung Malaysia. Bagi tahun 2013, penggredan SPB-PBT ketiga dilaksanakan bermula pada 18 Februari 2013 sehingga September 2013 yang melibatkan kesemua 99 PBT Semenanjung dan dua (2) *modified* PBT iaitu Perbadanan Putrajaya dan Perbadanan Labuan atas permintaan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

4. Indikator SPB-PBT bagi tahun 2013 telah diluluskan oleh Pengurusan Tertinggi KPKT di Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SSR-PBT Bil. 1 Tahun 2012 pada 3 Disember 2012. Bagi membantu PBT dalam program penggredan ini, KPKT telah membuat penambahbaikan dengan mengemukakan kepada PBT senarai dokumen dan rekod yang akan disemak semasa penggredan dilaksanakan.

KRITERIA DAN WAJARAN

5. Penilaian SPB-PBT 2013 ini masih berdasarkan empat (4) kriteria dengan wajaran yang sama seperti berikut:

- (a) Pengurusan (30%);
- (b) Perkhidmatan Teras (35%);
- (c) Pengurusan Pelanggan (15%); dan
- (d) Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk (20%).

Walaupun bagaimanapun, hanya indikator-indikator yang terkandung dalam kriteria tersebut di atas yang diubahsuai dan dikaji semula selaras dengan kehendak semasa serta perkembangan terkini.

6. Dari segi penarafan bintang, pemarkahannya masih kekal seperti berikut:

Markah	Bintang
90-100	☆☆☆☆☆
75-89.9	☆☆☆☆
60-74.9	☆☆☆
46-59.9	☆☆
45.9 dan ke bawah	☆

METODOLOGI PENILAIAN

7. Kaedah yang diguna pakai oleh Pasukan Inspektorat, KPKT bagi melaksanakan pengredan SPB-PBT juga adalah sama seperti berikut:

- (a) Semakan secara *online* melalui laman web/portal PBT;
- (b) Temubual dengan penjawat awam di PBT berkenaan;

- (c) Semakan fail, rekod dan dokumen-dokumen berkaitan;
- (d) Pemerhatian dan pemeriksaan di pejabat PBT termasuk kaunter-kaunter dan persekitaran PBT; dan
- (e) Lawatan tapak dan premis-premis di bawah kuasa PBT dan juga tempat perniagaan, kemudahan awam, pasar basah dan kemudahan-kemudahan lain yang disediakan oleh PBT.

PASUKAN INSPEKTORAT

8. Pasukan Inspektorat KPKT yang terlibat dalam lawatan ini terdiri daripada pegawai-pegawai seperti senarai di **Lampiran 1**.

KEPUTUSAN PENGGREDAN

9. Hasil semakan dan penilaian SPB-PBT yang dijalankan, didapati bahawa MPSP memperoleh penarafan 4 Bintang dengan markah sebanyak 81.87%. Jadual prestasi mengikut kriteria dan subkriteria adalah seperti di **Lampiran 2**.

PENEMUAN, ANALISIS PRESTASI DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN MENGIKUT KRITERIA

10. Bagi **Kriteria Pengurusan**, MPSP memperoleh markah sebanyak 28.41% daripada wajaran 30%. Hasil penemuan daripada penggredan yang dijalankan dan cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh MPSP untuk Kriteria Pengurusan ini adalah seperti berikut:

Kriteria 1 : Pengurusan

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
1.1	Pengurusan Organisasi			
	1.1.1	Perancangan Strategik		
		(i) Terdapat Pelan Strategik	Ada Blueprint Program Transformasi (2010-2015) fokus kepada hala tuju transformasi, sebagai dokumen induk kepada Pelan Strategik MPSP (FOKUS 2012) dan didokumenkan dengan lengkap.	
		(ii) Sistem Pelaksanaan Pelan Strategik		
		(a) Ada matlamat, objektif strategi, <i>output</i> , indikator, pelan tindakan dan KPI.	Ada fokus jabatan, 7 fokus tahun 2012, pelan tindakan dan KPI.	
		(b) Mempunyai misi dan visi serta dipamerkan.	Mempunyai misi dan visi serta dipamerkan.	
		(iii) Pengukuran Impak Pelan Strategik		
		(a) Ada Jawatankuasa Impak Pelan Strategik MBAS dan bermesyuarat.	i) Ada Laporan Pencapaian FOKUS setiap tahun untuk dijadikan rujukan kepada FOKUS akan datang ii) Mesyuarat Penyelarasan Maklumbalas FOKUS MPSP 2012 iii) Penyediaan FOKUS diadakan melalui bengkel/lab iv) Ada penilaian (survey) dalam kalangan pelanggan berdasarkan KPI dan KRA	
		(b) Menjalankan kajian pemahaman dan kepuasan impak Pelan Strategik (sampel dalam kalangan kakitangan kerajaan, swasta, usahawan, pelajar) serta ada menyediakan laporan impak pelan strategik.	Ada penilaian impak melibatkan pelanggan (survey) berdasarkan KPI yang digariskan.	
		(iv) Inisiatif untuk menjenamakan PBT		
		(a) Pemakaian baju korporat yang dipakai pada perhimpunan korporat serta tugu Syahadah.	i) <i>Coffee table book</i> ii) <i>Seberang Perai Tourist Map</i> iii) Pertandingan Fotografi Seberang Perai	
		(b) Mempunyai peruntukan khusus.	Mempunyai kelulusan peruntukan.	
	1.1.2	Komitmen membudayakan kualiti, inovasi dan kreativiti		
		(i) Program-program kualiti yang dilaksanakan		
		(a) ISO 9001:2008 bagi perkhidmatan teras	40 prosedur operasi teras telah mendapat pengiktirafan MS ISO 9001:2008	
		(b) Penandaarasan	Aspek Kewangan dan Penilaian dirujuk oleh MD Baling pada 8/3/2012.	
		(c) Fail Meja	Daripada 10 sampel fail meja yang dinilai, 100% telah dikemaskini.	
		(d) Manual Prosedur Kerja (MPK)	(i) MPK diluluskan oleh YDP pada 22/4/2013 (ii) Sebarang perubahan dibuat apabila ada pindaan, dan (iii) Dikemaskini serta lengkap.	
		(e) Kumpulan KIK	Ada kumpulan KIK dan menyertai pertandingan	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT				PENEMUAN	CADANGAN
				kategori Pengurusan Peringkat Pulau Pinang pada 19/9/2012 (naib johan).	
		(f)	Inovasi dan kreativiti yang telah dihasilkan	e-building (jabatan bangunan).	
		(g)	Pelaksanaan Program 5S	Cuma melaksanakan amalan 5S tetapi tidak mendapat pengiktirafan.	Perlu mendapatkan pengiktirafan 5S daripada MPC.
		(ii)	Pengiktirafan yang diterima		
		(a)	Pengiktirafan prestasi kerja dalam tahun penilaian (contoh: kewangan, ICT, landskap, pelan bangunan dan lain-lain)	i)5 bintang laman web ii)Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan (AIPK) – Anugerah Khas	
		(b)	Pengiktirafan selain prestasi kerja dalam tahun penilaian (contoh: sukan, perbarisan, koir dan lain-lain)	Johan Bolasepak 9 sebelah anjuran MALA.	
	1.1.3	Pemantapan Integriti			
		(i)	Mempunyai Pelan Integriti PBT	i)Pelan Integriti MPSP 2010-2015 (peringkat negeri) sedang digunapakai ii)Pelan Integriti MPSP 2014-2018 (MPSP) masih berstatus draf	
		(ii)	Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU)/Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan		
		(a)	Mengadakan mesyuarat berkala (3 kali setahun)	Mesyuarat JKTU 3 kali setahun pada tahun 2012 iaitu pada 18/1/2012, 29/5/2012, dan 26/11/2012).	
		(b)	Laporan JKTU dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN)	Semua laporan JKTU dihantar kepada JKTUN.	
		(iii)	Aktiviti-aktiviti meningkatkan tahap integriti di PBT:		
		(a)	Berapakah program di bawah pelan integriti dilaksanakan (contoh: <i>Job Rotation</i> , Taklimat SPRM, Seminar Integriti, Pengedaran Risalah dan lain-lain)	Mengadakan 6 program iaitu: (i) Ceramah 'Akauntabiliti dan Perkhidmatan Awam' (17/12/2012); (ii) <i>Job rotation</i> (1/2/2012); (iii) Hebahan melalui MPSPnet (14/3/2012); (iv)Kursus 'Integriti ke arah Transformasi Perkhidmatan yang Dinamik' (14/3/2012)	
		(b)	Semakan ke atas proses dan prosedur	Melalui kaedah <i>Bussiness Process Reingeneering</i> (BPR): i)Proses penilaian bangunan ii)Proses pengeluaran notis e-taksiran iii)Proses kerja bayaran balik cagaran iv)Proses permohonan Kebenaran Merancang bagi cadangan pecah sempadan, penyerahan v)Proses Pelan Landskap dalam tempoh 14 hari	
	1.1.4	Pengukuhan Semangat Berpasukan dan Peningkatan Motivasi			
		(i)	Program dan aktiviti meningkatkan semangat berpasukan dan motivasi		
		(a)	Bilangan program dilaksanakan untuk mewujudkan semangat berpasukan dan motivasi (contoh: Hari Keluarga, Hari Sukan, Hari Perayaan, Majlis Makan Malam, aktiviti riadah, program bina semangat dan lain-lain)	i)Kursus Pembinaan Pasukan (26-29/3/2012) ii)Senamrobik (Minggu ke-2 dan ke-4 hari ahad) iii) <i>Green Ride</i> (3/6/12) iv)Kejohanan sukan	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
			(13/5/12)	
		(ii) Peranan PBT untuk menggalakkan kerjasama Ahli-Ahli Majlis dalam pasukan	Penglibatan Ahli Majlis dalam Kejohanan Bolasepak 9 sebelah Piala Green (13/5/12).	
	1.1.5	ICT Dalam Pengurusan Organisasi		
		(i) ICT <i>Strategic Plan</i> (ISP)	Ada ISP MPSP 2011-2013.	
		(ii) Status pelaksanaan ISP	83.3% perancangan pembangunan dapat dilaksanakan.	
		(iii) Pengurusan Laman Web		
		(a) Ciri-ciri asas mandatori Laman Web	Ada kesemua ciri asas mandatori laman web.	
		(b) Pengemaskinian Laman Web	Ada laman web dan rekod pengurusan yang terkini.	
1.2	Pengurusan Kewangan dan Aset			
	1.2.1	Pengurusan Kutipan Hasil Cukai/Bukan Cukai		
		(i) Kutipan cukai secara <i>online</i>	Telah melaksanakan sepenuhnya dengan Maybank, CIMB, Bank Islam, Bank Rakyat dan lain-lain.	
		(ii) Pengurusan kewangan berkomputer	Telah melaksanakan sepenuhnya menggunakan Sistem Perakaunan dan Belanjawan Bersepadu MPSP.	
		(iii) Prestasi kutipan hasil (cukai dan bukan cukai) berdasarkan anggaran	Prestasi kutipan hasil 103.71%. Anggaran hasil 2012: RM172,177,517.00 Kutipan hasil 2012: RM178,571,221.00	
		(iv) Prestasi kutipan tunggakan hasil cukai	Kutipan 79.94%.	
		(v) Usaha-usaha mengawal keselamatan kutipan (contoh: penurunan kuasa secara bertulis, cara deposit ke bank, pegangan wang tunai, buku resit/sistem dan lain-lain)	Mempunyai 4 usaha iaitu: (i) Ada surat penurunan kuasa kepada petugas-petugas kutipan; (ii) Kaedah kutipan hasil oleh syarikat Securiforce Sdn. Bhd. di bawah Bank Islam; (iii) Ada peti besi di pejabat dan Kompleks Sukan; dan (iv) Polis bantuan MPSP akan mengiringi kutipan dari Kompleks Sukan ke ibu pejabat.	
		(vi) Peningkatan pendapatan daripada sumber lain seperti lesen, bayaran dan kompaun (pendapatan hasil bukan cukai) berbanding dengan tahun sebelumnya	Penurunan 3.21%. Pendapatan 2011: RM38,298,205.00 Pendapatan 2012: RM37,069,054.00	
		(vii) Usaha-usaha bagi meningkatkan hasil (contoh: Tindakan undang-undang, pemberian insentif, kempen, pelaburan dan lain-lain)	Mempunyai 4 usaha iaitu: (i) Menubuhkan <i>task force</i> untuk meningkatkan hasil dan menjimatkan kos; (ii) Penjualan aplikasi komputer dan perkongsian data; (iii) Hasil jualan kupon letak kereta dipergiatkan lagi; dan (iv) Promosi cabutan bertuah untuk pembayar cukai tanpa tunggakan.	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT		PENEMUAN	CADANGAN	
	(viii)	Kedudukan nilai aset	Nilai aset melebihi 2 tahun emolumen. Nilai aset: RM507,879,325. Nilai 2 tahun emolumen: RM126,292,744.	
	(ix)	Kredit dan pinjaman oleh PBT	Mampu membayar kredit pinjaman.	
1.2.2	Pengurusan Bajet dan Akaun			
	(i)	Penyediaan Bajet Tahunan	Ada buku bajet dan rekod mesyuarat sebagai bukti dalam menyediakan bajet.	
	(ii)	Prestasi Perbelanjaan Mengurus berdasarkan Bajet yang diluluskan	Prestasi perbelanjaan mengurus 87.79%. Peruntukan: RM195,127,397. Perbelanjaan: RM171,311,315.	
	(iii)	Prestasi Perbelanjaan Pembangunan berdasarkan Bajet yang diluluskan	Prestasi perbelanjaan pembangunan 89.96%. Peruntukan: RM3,100,000. Perbelanjaan: RM2,788,651.	
	(iv)	Bajet tahunan yang diluluskan	Bajet defisit.	
	(v)	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun yang diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun	Mengadakan mesyuarat 4 kali setahun iaitu pada 26/1/12, 26/4/12, 26/7/12 dan 23/10/12.	
	(vi)	Membentangkan: <ul style="list-style-type: none"> • Penyata Kewangan Tahunan dalam Mesyuarat Penuh Majlis dan Dewan Undangan Negeri (DUN); • Mengemukakan Penyata Kewangan ke Jabatan Audit Negara sebelum 30 April; • Mengemukakan Laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun kepada Setiausaha Kerajaan Negeri; dan • Laporan Bulanan Prestasi ke Pegawai Kewangan Negeri 	Mengemukakan keempat-empat laporan kepada pihak berkaitan mengikut tempoh yang ditetapkan.	
	(vii)	Daftar bil/Bayaran bil/Tuntutan mengikut tempoh 7 hari	Lebih 90% bil dibayar dalam tempoh 7 hari dan mempunyai daftar bil yang kemaskini.	
	(viii)	Penyenggaraan Akaun Belum Terima (ABT)		
	(a)	Ada menyelenggarakan daftar bagi mengawal ABT.	Ada menyelenggarakan daftar bagi mengawal ABT.	
	(b)	Ada menyelenggarakan daftar tunggakan bayaran balik.	Ada menyelenggarakan daftar tunggakan bayaran balik.	
	(c)	Ada menyelenggarakan.	Ada menyelenggarakan.	
	(ix)	Perbelanjaan peruntukan daripada Kementerian dan agensi-agensi lain	Prestasi perbelanjaan 75.60%.	
	(x)	e-Payment (EFT/e-SPKB atau kaedah bayaran secara elektronik kepada kontraktor atau pembekal)	Telahpun melaksanakan EFT sepenuhnya.	
	(xi)	Melaksanakan inisiatif-inisiatif memantapkan amalan belanja secara berhemat dilaksanakan (contoh: surat arahan dalaman, pekeliing, garis panduan dan lain-lain)	Mempunyai 3 inisiatif iaitu: (i) Pemantauan bil; (ii) Bayaran kerja lebih masa dihadkan kepada 1/3 daripada gaji pokok kecuali mendapat kelulusan khas YDP; dan (iii) Mendapatkan sebutharga daripada sekurang-kurangnya 3	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT				PENEMUAN	CADANGAN
				pembekal untuk mendapatkan harga terbaik.	
		(xii)	Pengurusan pinjaman	Daftar pengurusan pinjaman ada disediakan dan kemas kini.	
		(xiii)	Pengurusan buku vot	Buku vot elektronik tidak dicetak dan ditandatangani.	
		(xiv)	Sijil bersih audit	Ada sijil bersih audit bertarikh 23/7/13.	
	1.2.3	Pengurusan Aset dan Pengurusan Stor			
		(i)	Kawalan ke atas harta modal dan inventori		
		(a)	Telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), Unit Pengurusan Aset dan pelantikan pegawai aset.	Telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK), Unit Pengurusan Aset dan pelantikan pegawai aset.	
		(b)	Telah bermesyuarat sebanyak 2 kali tahun 2012 pada tahun 2012 iaitu pada 26/1/12 dan 22/6/12.	Telah bermesyuarat sebanyak 2 kali tahun 2012 pada tahun 2012 iaitu pada 26/1/12 dan 22/6/12.	
		(c)	Mempunyai daftar harta modal dan inventori, melantik pegawai pemeriksa aset dan melakukan pemeriksaan aset pada 16/2/12.	Mempunyai daftar harta modal dan inventori, melantik pegawai pemeriksa aset dan melakukan pemeriksaan aset pada 16/2/12.	
		(ii)	Pemeriksaan mengejut dijalankan secara berkala dan tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan	Pemeriksaan mengejut dilaksanakan sekali pada 25/1/12.	
		(iii)	Kaedah pelupusan dan hapus kira harta modal dan inventori		
		(a)	Telah menubuhkan lembaga pemeriksa pelupusan dan pemeriksaan dilakukan dalam tempoh sebulan selepas menerima arahan.	Telah menubuhkan lembaga pemeriksa pelupusan dan pemeriksaan dilakukan dalam tempoh sebulan selepas menerima arahan.	
		(b)	Telah melakukan kaedah pelupusan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh kelulusan dan mengemaskini daftar.	Telah melakukan kaedah pelupusan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh kelulusan dan mengemaskini daftar.	
		(c)	Telah menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat bagi kes kehilangan kamera model <i>Canon Powershot A3200</i> , laporan polis dibuat dalam 24 jam sebaik kehilangan disedari dan laporan awal dibuat kepada Unit Pengurusan Aset.	Telah menubuhkan Jawatankuasa Penyiasat bagi kes kehilangan kamera model <i>Canon Powershot A3200</i> , laporan polis dibuat dalam 24 jam sebaik kehilangan disedari dan laporan awal dibuat kepada Unit Pengurusan Aset.	
		(iv)	Kawalan pengurusan kenderaan		
		(a)	Mempunyai buku daftar kenderaan yang kemas kini dan setiap kenderaan mempunyai fail masing-masing.	Mempunyai buku daftar kenderaan yang kemas kini dan setiap kenderaan mempunyai fail masing-masing.	
		(b)	Mempunyai pemantauan berterusan ke atas buku log, kad inden minyak dan kad <i>touch n go</i> .	Mempunyai pemantauan berterusan ke atas buku log, kad inden minyak dan kad <i>touch n go</i> .	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
	(v)	Pengurusan stor	Tiada stok. (Menggunakan kaedah <i>Just in Time</i> /Beli mengikut keperluan)	
	(vi)	Pengurusan dan perolehan kontrak		
	(a)	Ada rekod pembelian terus yang kemas kini serta butiran kerja dan bayaran penyelesaian.	Ada rekod pembelian terus yang kemas kini serta butiran kerja dan bayaran penyelesaian.	
	(b)	Ada daftar sebut harga dan tender, jenis perolehan atau kerja dan melantik Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga / Tender secara bertulis.	Ada daftar sebut harga dan tender, jenis perolehan atau kerja dan melantik Jawatankuasa Penilaian Sebut Harga / Tender secara bertulis.	
	(c)	Ada senarai kontrak, surat perjanjian kontrak disemak oleh PUU, kontrak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa, tatacara penyimpanan dan rekod pemantauan berdasarkan senarai yang kemas kini.	Ada senarai kontrak, surat perjanjian kontrak disemak oleh PUU, kontrak ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa, tatacara penyimpanan dan rekod pemantauan berdasarkan senarai yang kemas kini.	
1.3	Pengurusan Sumber Manusia			
	1.3.1	Pelan Strategik Sumber Manusia		
	(i)	Ada perancangan Sumber Manusia	Ada Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia MPSP 2010-2015 dan ada draf Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia MPSP 2013-2017.	
	(ii)	Mesyuarat Jawatankuasa Personel dan Perkhidmatan Majlis mengenai pengurusan sumber manusia	Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelantikan yang membincangkan pengambilan, kenaikan pangkat, pengesahan, persaraan dan permohonan ex-gratia. Telah bermesyuarat sebanyak 21 kali pada tahun 2012.	
	(iii)	Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM)	Mesyuarat PPSM diadakan sebanyak 5 kali iaitu pada 2/1/2013, 4/3/2013, 28/3/2013, 27/5/2013 dan 23/8/2013.	
	(iv)	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	5.62% atau 137 orang daripada 2,439 kakitangan diberi APC.	
	(v)	Pengendalian Buku Perkhidmatan	Berdasarkan sampel, 90% kemas kini.	
	(vi)	Sistem perakam waktu dan analisis	Menggunakan alat perakam waktu biometrik, tetapi tiada laporan dan analisis.	Menyediakan laporan dan analisis perakam waktu bagi keseluruhan kakitangan.
	(vii)	Sistem pengurusan maklumat sumber manusia (ICT) (SISPEN/HRMIS)	Pengemaskinian maklumat: peribadi 100%; perkhidmatan 99.94%.	
	(viii)	<i>Job Rotation/Cross Fertilisation</i>	Ada dilaksanakan.	
	(ix)	Urusan pengesahan, taraf berpencen dan persaraan	Semua dilaksanakan mengikut peraturan dan masa yang ditetapkan.	
	(x)	Pemantauan cuti sakit	Berdasarkan sampel, 90% dilaksanakan mengikut peraturan yang ditetapkan.	
	(xi)	Pengurusan cuti rehat	Berdasarkan sampel, 90% mematuhi	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
			permohonan cuti rehat.	
		(xii) Pengisian jawatan kumpulan sokongan OSC selepas tawaran opsyen oleh KPKT	Tidak diisi penuh.	
	1.3.2	Program Latihan		
		(i) Mempunyai Pelan Operasi Latihan (POL)	Ada <i>training roadmap</i> mengikut jabatan, kalender latihan, minit mesyuarat dan dokumentasi mengenainya.	
		(ii) Jawatankuasa Latihan	Mesyuarat Bersama Pegawai Latihan Jabatan dan telah bermesyuarat 3 kali iaitu pada 5/3/2012, 21/5/2012 dan 7/6/2012.	
		(iii) Peruntukan bajet latihan minimum bersamaan 1% daripada emolumen	Peruntukan bajet latihan 1.71% daripada emolumen. Peruntukan latihan: RM1,000,000.00 Emolumen: RM58,548,312.00.	
		(iv) Pengendalian kursus secara dalaman (<i>in-house</i>)	40.33% atau 123 daripada 305 kursus dilaksanakan secara dalaman.	
		(v) Jumlah pegawai mematuhi 7 hari berkursus dalam setahun	16.36% atau 399 orang daripada 2,439 pegawai mematuhi 7 hari berkursus setahun.	
		(vi) Proses penilaian ke atas pegawai yang mengikuti kursus	Dilaksanakan tetapi tidak dibentangkan dalam Jawatankuasa Latihan.	
	1.3.3	Urusan Tata tertib		
		(i) Lembaga Tata tertib	Mempunyai senarai lembaga tata tertib yang kemas kini.	
		(ii) Peraturan-Peraturan Tata tertib	Mempunyai Peraturan-peraturan Pegawai Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai (Kelakuan & Tata tertib) 1995 tetapi tidak kemas kini.	
		(iii) Program kawalan/pencegahan kes-kes salah laku	Menjalani 4 program setahun iaitu: (i) Ceramah Prosedur dan Kesalahan Tata tertib - 5/10/2012; (ii) Bengkel Pengurusan Tata tertib - 14-15/3/2012; (iii) Bengkel Prosedur Pengurusan Tata tertib MPSP - 10/5/2012; dan (iv) Kursus Penerapan Disiplin Penguatkuasaan - 9-14/7/2012.	
		(iv) Bilangan kes tata tertib yang telah diambil tindakan	0.25% atau 6 kes berbanding 2,439 pegawai.	
		(v) Pengisytiharan harta	Sebahagian pegawai/kakitangan MPSP mengisytiharkan harta.	Memastikan semua pegawai/kakitangan mengisytiharkan harta.
		(vi) Pelaksanaan ujian air kencing	Melaksanakan sekali sahaja iaitu pada 20/4/2012.	
	1.3.4	Khidmat Kaunseling		
		(i) Mekanisme khidmat kaunseling (contoh: pelantikan kaunselor, jadual khidmat kaunseling dan sebagainya)	Membuat pemantauan pegawai berprestasi rendah dan dikemukakan kepada pegawai kaunseling/kaunselor pejabat SUK Negeri Kedah. Juga mempunyai	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN	
			Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Malaysia (AKRAB).		
		(ii)	Usaha-usaha meningkatkan kepatuhan kepada peraturan-peraturan pejabat dan perkhidmatan (contoh: sesi perhimpunan pagi di jabatan/ bahagian PBT/sistem <i>merit demerit</i> /sistem <i>reward & punishment</i> dan lain-lain)	Mempunyai 2 usaha iaitu: (I) Anugerah Pekerja Contoh Tahunan dan diberi insentif RM100 seorang; dan (ii) Perhimpunan Bulanan (ada ikrar kakitangan dan ikrar kualiti)	
		(iii)	Sesi kaunseling	Tiada program.	Mengadakan sesi kaunseling secara tetap dan berjadual.
		(iv)	Rekod sesi kaunseling dan pemulihan	Ada rekod sesi bimbingan oleh Rakan Pembimbing tetapi tiada tarikh.	
	1.3.5	Kebajikan Kakitangan			
		(i)	Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)	Ada menyediakan kemudahan TASKA yang beroperasi sejak tahun 2008.	
		(ii)	Kemudahan kesihatan (contoh: insurans, klinik panel dan lain-lain)	Ada 51 buah klinik panel.	
		(iii)	Kelab Sukan dan Kebajikan	Mempunyai Persatuan Kebajikan, Sukan dan Sosial MPSP (PESUKA) yang berdaftar dan aktif.	
		(iv)	Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	MBJ bermesyuarat 4 kali iaitu pada 29/3/2012, 24/5/2012, 28/8/2012 dan 27/11/2012.	
		(v)	Mengukur tahap kepuasan pegawai dan kakitangan dalam PBT setiap tahun (SSI)	SSI 2013 dijalankan oleh pelajar tahun akhir Jurusan Pengurusan (Organisasi) USM pada 10/1/2013, siap pada Mei 2013 dan dikemukakan kepada MPSP pada 15/6/2013.	
	1.3.6	Rangkaian dan Hubungan Kerja (<i>Networking & Linkages</i>)			
		(i)	<i>Networking/linkages</i> dengan badan antarabangsa/ bandar luar negara	Ada MOU: Perjanjian Persahabatan Antara Bandar Metropolitan Gwangju, Republik Korea dan MPSP, Malaysia pada 17/5/2013.	
		(ii)	Perkongsian pengetahuan di peringkat antarabangsa/kebangsaan (contoh: membentangkan kertas kerja di seminar dan lain-lain)	Membentangkan kertas kerja di seminar peringkat antarabangsa: (i) "Globalization Human Rights From Below – Challenges Human Rights City in The 21 st Century" di Gwangju Metropolitan Cities oleh YDP pada 15-18/5/2013; dan (ii) "Review and Planning Workshop on Eco Town 2012 pada 11-13/12/2012 di Pulau Pinang anjuaran Global Environment Centre (GEC) Foundation (antarabangsa) pada 11-13/12/2012.	
		(iii)	Ahli kepada pertubuhan PBT antarabangsa/ kebangsaan	Menjadi ahli pertubuhan PBT di peringkat antarabangsa iaitu World E-Government Organization of Cities and Local Government (WEGO) dan juga	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT				PENEMUAN	CADANGAN
				menjadi ahli pertubuhan PBT di peringkat kebangsaan iaitu MALA.	
	1.3.7	Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Di Tempat Kerja			
		(i)	Latihan kebakaran (<i>fire drill</i>)	Telah mengadakan latihan pada 28/12/2012.	
		(ii)	Peralatan mengawal dan mencegah kebakaran	Menyediakan peralatan seperti <i>fire extinguisher</i> , <i>hose reel system</i> dan <i>water sprinkler</i> dan diletakkan di lokasi yang strategik.	
		(iii)	Pemeriksaan kesihatan secara berkala untuk warga kerja PBT	Tiada pemeriksaan kesihatan secara berkala.	
		(iv)	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	Pelantikan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada 14/3/2012 dan mesyuarat pertama diadakan pada tahun 7/1/2013.	

11. Dari perspektif Pengurusan Organisasi, MPSP telah menyediakan Pelan Strategik yang mempunyai KPI untuk *output* dan *outcome* bagi semua dasar, program dan aktiviti. Di samping itu, MPSP juga telah menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap pelaksanaan pemantapan integriti seperti pewujudan Pelan Integriti MPSP, pelaksanaan Mesyuarat JKTU dan aktiviti-aktiviti meningkatkan tahap integriti warga PBT. Sebagai langkah penambahbaikan subkriteria ini, MPSP perlu berusaha mendapatkan pengiktirafan 5S daripada MPC.

12. Bagi subkriteria Pengurusan Kewangan dan Aset, MPSP didapati telah melaksanakan kehendak indikator berdasarkan pekeliling-pekeliling berkaitan dengan baik di mana hampir kesemua kehendak indikator berjaya dipenuhi. Antara amalan terbaik yang dikenalpasti adalah usaha-usaha mengawal keselamatan kutipan dengan menggunakan perkhidmatan syarikat Securiforce Sdn. Bhd. bagi kutipan hasil dan menempatkan peti besi di pejabat yang membuat kutipan hasil. Namun begitu, MPSP disarankan supaya meningkatkan pendapatan daripada sumber lain seperti lesen, bayaran dan kompaun serta meningkatkan prestasi perbelanjaan mengurus dan pembangunan

berdasarkan bajet yang diluluskan. MPSP juga disarankan agar membelanjakan lebih 95% peruntukan dari Kementerian dan agensi-agensi lain untuk projek yang telah ditetapkan.

13. Bagi Subkriteria Pengurusan Sumber Manusia, didapati MPSP telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan prestasi pengurusan organisasi. Antara amalan terbaik yang telah dilaksanakan adalah Perjanjian Persahabatan Antara Bandar Metropolitan Gwangju, Republik Korea dan MPSP serta menjadi ahli pertubuhan PBT di peringkat antarabangsa iaitu *World E-Government Organization of Cities and Local Government* (WEGO). Namun begitu, terdapat juga aspek-aspek lain yang boleh ditambahbaik seperti menyediakan analisis dan laporan sistem perakam waktu, meningkatkan bilangan kursus yang diadakan secara dalaman, meningkatkan bilangan pegawai yang mematuhi 7 hari berkursus dan mengadakan pemeriksaan kesihatan secara berkala.

14. MPSP telah memperolehi markah sebanyak 28.41% daripada wajaran 35% bagi **Kriteria Perkhidmatan Teras**. Hasil penemuan daripada pengredan yang dijalankan dan cadangan-cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh MPSP untuk Kriteria Perkhidmatan Teras ini adalah seperti berikut:

Kriteria 2 : Perkhidmatan Teras

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT		PENEMUAN	CADANGAN
2.1	Pelaksanaan Dasar Pelesenan dan Kawalan Perniagaan		
	(i)	Mempunyai sistem pelesenan dan kawalan perniagaan	Mempunyai garis panduan pelesenan dan rekod pemantauan yang teratur.
	(ii)	Pengurusan pelesenan berkomputer	Mempunyai sistem pengurusan lesen berkomputer.
	(iii)	Lesen <i>online</i>	Ada perancangan untuk melaksanakannya.

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT		PENEMUAN	CADANGAN
(iv)	Kaedah pemantauan premis perniagaan berisiko tinggi	Mempunyai senarai pemegang lesen, jadual pemantauan dan ada rekod lawatan pemantauan.	
(v)	Pelaksanaan Pekeliling KSU KPKT Bil. 6/2011		
(a)	Pengeluaran lesen tidak berisiko secara serta-merta	Telah dilaksanakan sepenuhnya.	
(b)	Tempoh sah laku lesen 1 hingga 3 tahun	Telah dilaksanakan.	
(c)	Pengeluaran lesen komposit	Telah melaksanakan pengeluaran lesen komposit.	
(d)	Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan	Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan diadakan sekali sebulan.	
(vi)	Lesen perniagaan berisiko tinggi dikeluarkan dalam tempoh 30 hari	Semakan fail mendapati 100% lesen perniagaan berisiko tinggi dikeluarkan dalam tempoh 30 hari.	
(vii)	Pelaksanaan Garis Panduan Papan Iklan Luar [Pekeliling KSU KPKT Bil. 2/2009]	Mematuhi Pekeliling KSU KPKT Bil. 2/2009.	
(viii)	Pemeriksaan yang terancang bagi premis makanan untuk pengeluaran lesen baharu dan membaharui lesen	Semua premis makanan diperiksa untuk pengeluaran lesen baru dan membaharui lesen.	
(ix)	Penguatkuasaan perniagaan tidak berlesen	Mempunyai rekod pemantauan yang teratur dan kemas kini. Tindakan kompaun dikeluarkan kepada peniaga-peniaga dan penjaja tidak berlesen.	
(x)	Penguatkuasaan ke atas semua jenis papan iklan luar (berlesen dan tidak berlesen)	Ada rekod semua papan iklan dan ada rekod tindakan yang telah diambil.	
(xi)	Pengurusan dan pemantauan permit penjaja pasar malam/tani/pagi	Mempunyai rekod aktiviti penguatkuasaan di premis-premis hiburan tetapi tidak teratur dan berjadual.	
2.2	Perancangan		
(i)	Kekerapan mesyuarat Jawatankuasa OSC	Mengadakan mesyuarat 2 kali sebulan atau 24 kali mesyuarat pada tahun 2012.	
(ii)	Pelaksanaan Pekeliling KSU KPKT Bil. 2/2011	Proses Penerimaan dan Pemantauan Pelan Bangunan diSOkan.	
(iii)	Tempoh pengedaran permohonan kepada jabatan teknikal luaran/dalaman untuk mendapatkan ulasan/perakuan	Tidak diedarkan ke jabatan/agensi teknikal dalam tempoh 2 hari bekerja.	Memastikan pengedaran permohonan ke jabatan/agensi teknikal dalam tempoh 2 hari bekerja.
(iv)	Melaksanakan OSC <i>online</i> (pelancaran, penerimaan, semakan dan pemakluman keputusan permohonan secara <i>online</i>)	Telah dilancarkan pada 21/10/2011 dan terdapat usaha untuk menggalakkannya.	
(v)	Mengemas kini portal OSC setiap kali ada maklumat baharu diterima	Gagal mengemaskini setiap kali ada maklumat baru diterima.	Memastikan portal OSC dikemaskini setiap kali ada maklumat baharu diterima.
(vi)	Keputusan permohonan cadangan pemajuan mematuhi tempoh yang ditetapkan dalam garis panduan OSC	78.74% mematuhi tempoh piagam.	Memastikan lebih 95% mematuhi tempoh piagam.
(vii)	Senarai semak dokumen untuk semua jenis permohonan OSC	Ada dipaparkan dalam laman web rasmi MPSP.	
(viii)	Pematuhan kepada tempoh piagam baharu (37 hari) dalam kelulusan pelan bangunan	81.68% mematuhi tempoh piagam.	Memastikan lebih 95% mematuhi tempoh piagam.
(ix)	Pelaksanaan Pekeliling KSU KPKT Bil. 3/2011 [Template Seragam Senarai Semak Dokumen dan Senarai Semak Terperinci Agensi Teknikal Luaran (Edisi Ke-2)]	Pemakaian 100%.	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT		PENEMUAN	CADANGAN
(x)	Edaran keputusan mesyuarat jawatankuasa OSC dalam 3 hari dan minit mesyuarat diedarkan dalam masa 7 hari dari tarikh mesyuarat diadakan	52.5% keputusan mesyuarat jawatankuasa OSC diedarkan dalam 3 hari dan minit mesyuarat diedarkan dalam masa 7 hari dari tarikh mesyuarat diadakan.	Memastikan 100% keputusan mesyuarat jawatankuasa OSC diedarkan dalam 3 hari dan minit mesyuarat diedarkan dalam masa 7 hari dari tarikh mesyuarat diadakan.
(xi)	Tempoh masa untuk mengeluarkan kelulusan muktamad oleh PBT	Kurang 80% kelulusan muktamad dikeluarkan dalam tempoh 7 hari.	Memastikan lebih 90% kelulusan muktamad dikeluarkan dalam tempoh 7 hari
(xii)	Penguatkuasaan perlanggaran syarat-syarat perancangan - notis peringatan dan denda	Ada SOP dan rekod yang kemas kini.	
(xiii)	Menerima pakai garis panduan piawai dan perancangan JPBD yang diedarkan dari tempoh Januari 2012 sehingga Disember 2012	Menggunakan garis panduan JPBD dalam menyediakan Kebenaran Merancang (KM).	
(xiv)	Projek-Projek Pembangunan merujuk Rancangan Tempatan yang disediakan	Ada Deraf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah 2006-2020 tetapi belum diwartakan.	
(xv)	Proses mewartakan tanah lapang awam	Ada senarai tanah lapang awam yang terkini tetapi tidak semua telah diambil tindakan untuk diwartakan.	
(xvi)	Mempunyai Jawatankuasa Bandar Selamat	Ada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh YDP.	
(xvii)	Tindakan-tindakan PBT bagi menyokong NKRA: Mengurangkan Jenayah Jalanan (contoh: (a) kempen, (b) <i>lighting</i> di kawasan <i>hot spot</i> , (c) pemasangan CCTV, (d) kerjasama dengan PDRM dan lain-lain)	Melaksanakan 5 program iaitu: (i) pencahayaan; (ii) pengasingan laluan pejalan kaki daripada laluan bermotor; (iii) pemasangan cermin keselamatan; (iv) penyediaan tempat motosikal berkunci; dan (v) penyediaan papan tanda peringatan jenayah.	
(xviii)	Pelaksanaan aplikasi <i>Geographical Information System</i> (GIS) dalam kawalan perancangan	Ada GIS dan digunakan dalam kawalan perancangan.	
(xix)	Pencapaian MURNInets	Pencapaian sederhana mampan 61%.	
2.3	Kawalan Bangunan		
(i)	Kepatuhan Undang-Undang/Garis Panduan		
(a)	Pelan Bangunan mematuhi kehendak OKU dan dipastikan pematuhannya semasa pembinaan	Pelan bangunan mematuhi keperluan OKU dan ada rekod lawatan tapak bagi menentukan syarat OKU dipatuhi.	
(b)	Pelaksanaan SPAH di PBT	Menerimapakai GP dan menggalakkan pelaksanaan SPAH.	
(c)	Pelaksanaan <i>Energy Efficiency</i> (EE) dan <i>Renewal Energy</i> (RE) di PBT	Menerimapakai dan menggalakkan pelaksanaan MS 1525.	
(ii)	Pemantauan terhadap pengubahsuaian rumah/struktur haram	Ada senarai rumah/struktur haram yang diubahsuai dan rekod tindakan yang telah diambil oleh Bahagian Penguatkuasaan.	
(iii)	Pematuhan CCC - ada lawatan tapak	Lawatan tapak telah dilaksanakan secara menyeluruh iaitu di peringkat kerja-kerja	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT		PENEMUAN	CADANGAN
		awalan (Borang B), kerja-kerja infra yang melibatkan JTD (G17) dan semakan pematuhan sebelum Borang F dikeluarkan.	
(iv)	Menyediakan pelan piawai bagi kemudahan awam/persendirian berskala kecil (contoh: gerai, tandas, <i>road kerb</i> , perhentian bas, papan tanda, pengubahsuaian rumah dan sebagainya)	Mempunyai 5 jenis <i>in-house design</i> iaitu (i) <i>Extension</i> (rumah teres); (ii) pondok bas; (iii) gerai; (iv) papan tanda jalan; dan (v) tandas.	
(v)	Bangunan melebihi 5 tingkat yang berusia 10 tahun dari tarikh CFO/CCC dikeluarkan notis untuk diperiksa tahap keselamatan	Ada rekod bangunan dan tindakan pemeriksaan keselamatan	
(vi)	Ada insentif/inisiatif penambahbaikan bangunan-bangunan lama/warisan (contoh: (a) mengecat, (b) khidmat nasihat, (c) peralatan kemudahan, (d) gotong-royong, (e) sumbangan kewangan dan lain-lain)	Tiada inisiatif.	
(vii)	Pemantauan permit/syarat dinding adang/jaring bangunan yang sedang dibina	Mempunyai rekod syarat <i>hoarding</i> dan <i>netting</i> dalam pelan bangunan yang diluluskan, rekod lawatan pemantauan bagi <i>hoarding</i> dan <i>netting</i> bagi bangunan yang sedang dibina.	
(viii)	Mekanisme pemantauan oleh PBT sebelum CCC dikeluarkan	Mempunyai mekanisme dan prosedur iaitu pemeriksaan tapak bersama JTD & JTL, mesyuarat tapak secara berkala dan laporan teknikal kepada arkitek.	
(ix)	Bentuk kawalan perancangan terhadap projek (contoh: lawatan tapak sebelum bina, lawatan tapak semasa bina dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas perlanggaran syarat/pemantauan berjadual)	Melaksanakan 4 bentuk kawalan iaitu: (i) lawatan tapak sebelum pembinaan; (ii) lawatan tapak secara berkala; dan (iii) notis pematuhan kepada arkitek	
2.4	Pengurusan Penilaian dan Harta		
(i)	Adakah penilaian dibuat dalam tempoh 6 bulan selepas CFO/CCC dikeluarkan bagi bangunan/premis	Semua penilaian untuk bangunan baru dikeluarkan dalam tempoh 6 bulan berdasarkan sampel.	
(ii)	Ada mekanisme pengesanan untuk mendapatkan maklumat premis yang siap dan mempunyai mekanisme pengeluaran Notis Cukai Taksiran 2 minggu selepas ditetapkan penilaian	Mempunyai mekanisme pengesanan melalui surat daripada Jabatan Bangunan kepada pemilik dan disalinkan kepada Jabatan Penilaian.	
(iii)	Jawatankuasa Bantahan Penilaian bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan	Mempunyai Jawatankuasa Bantahan Penilaian yang bermesyuarat mengikut tempoh yang ditetapkan.	
(iv)	Penilaian semula (nilai tahunan) dibuat selepas 5 tahun	Ada perancangan untuk mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri (berdasarkan kertas cadangan).	
(v)	e-Penilaian (digital dan <i>integrated</i>)	Telah melaksanakan sepenuhnya.	
(vi)	Pengurusan Harta		
(a)	Daftar harta (bangunan milik Majlis)	Mempunyai senarai, jenis mengikut lokasi disamping mempunyai	

KRITERIA/SUBKRITERIA/INDIKATOR SPB-PBT			PENEMUAN	CADANGAN
			nilai semasa harta milik majlis yang kemaskini.	
	(b)	Jadual penyelenggaraan harta (bangunan milik Majlis)	Mempunyai perancangan, jadual, rekod penyelenggaraan yang lengkap serta rekod aduan yang kemaskini.	
	(vii)	e-sewaan untuk bangunan dan kemudahan-kemudahan lain Majlis	Telah melaksanakan sepenuhnya.	
	(viii)	Sumbangan Membantu Kadar (SMK)	Telah membuat permohonan SMK pada 9/1/2012.	
	(ix)	Fungsi Pesuruhjaya Bangunan (COB)		
	(a)	Mempunyai maklumat bangunan strata, jenis, senarai lengkap pemajuan berstrata (nama pemaju, JMB, MC)	Mempunyai butiran dan senarai lengkap.	
	(b)	Daftar pembeli (unit syer, keluasan lantai petak, nama dan alamat setiap pembeli, nama dan alamat peguam dan bilangan petak yang belum dijual yang dikemukakan oleh pemaju/JMB)	Mempunyai senarai lengkap dan kemaskini.	
